



ROSLI MOHD. YUNUS (barisan depan tiga dari kanan), Pendaftar UMP, Hamid Abd. Majid (tujuh dari kiri) dan Mohd. Shariza Abdullah (kanan) bersama sebahagian daripada peserta larian Fun Run di Pekan, Pahang, semalam. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN

UTUSAN MALAYSIA DALAM NEGERI | 14 NOV 2016 | M/S 13

Fun Run sempena Ekspokonvo UMP meriah

PEKAN 13 Nov. - Kira-kira 500 peserta dari seluruh negara menyertai acara larian *Fun Run* sejauh lima dan tujuh kilometer anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Utusan Melayu (M) Berhad di Pusat Aktiviti Pelajar, UMP kampus Pekan Melayu (M) Berhad di Pusat Aktiviti Pelajar, UMP kampus Pekan hari ini.

Acara larian tersebut merupakan antara pendekatan untuk mempromosikan Ekspokonvo UMP 2016 sekali gus memperkenalkan UMP Pekan sebagai kampus induk baharu institusi pengajian tinggi awam berkenaan.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Prof. Datuk Dr. Rosli Mohd. Yunus berkata, acara itu merupakan platform yang baik bagi setiap peserta termasuk penuntut UMP melibatkan diri dalam aktiviti sihat dan bermanfaat.

"Saya menyeru warga UMP dan setiap peserta mengamalkan gaya

Pesta KONVO

UTUSAN MALAYSIA

MINGGUAN MALAYSIA



**Universiti
Malaysia
PAHANG**
Engineering • Technology • Creativity

expoconvov16
Bersama-sama Mulus Konvokesyen ke-11 UMP

hidup sihat dengan melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti yang berlandaskan kesihatan demi menjamin kesejahteraan hidup," katanya ketika berucap merasmikan acara tersebut.

Yang hadir sama Pendaftar UMP, Hamid Abd. Majid; Ketua Biro *Utusan Malaysia* Pahang, Mohd. Shariza Abdullah; Pengarah Pusat Kesihatan UMP, Dr. Khairul Salleh Abdul Basit; Penasihat Sekretariat Genesis, Nasrul Salim Pakheri; Timbalan Pengarah Program Karnival Gaya Hidup Sihat UMP, Muhammad Azrie Azmi dan Ketua Bahagian Keselamatan universiti berkenaan, Kapten (B) Razman Abdul Manan.

Acara larian tersebut diadakan dengan kerjasama Genesis sempena Karnival Gaya Hidup Sihat dan turut mendapat sokongan 100 Plus yang merupakan penaja rasmi.

Sementara itu, seorang peserta kategori wanita veteran, **Rahayah Yahya**, 56, tidak menyangka penyertaan kali pertama dalam program larian sedemikian membolehkannya muncul naib juara.

"Kebetulnya semalam keluarga saya ke Lanchang, Temerloh untuk menziarahi rakan yang sakit. Anak saya, Hannah Kamaruzaman, 16, mengajak saya menyertai Fun Run.

"Niat saya hanya untuk menemaninya dan tidak sangka boleh muncul sebagai naib juara," katanya.

Juara setiap kategori membawa pulang wang tunai RM300 dan piala, RM200 dan piala (tempat kedua), RM100 dan piala (tempat ketiga) dan masing-masing RM50 dan piala untuk pemenang tempat keempat serta kelima.